

3. Siapakah yang boleh membuat tuntutan hutang perkahwinan?

Mana-mana pihak dalam perkahwinan tersebut yang terpaksa menanggung kerugian atau beban akibat daripada kegagalan menjelaskan hutang tersebut boleh membuat tuntutan hutang perkahwinan.

4. Apakah syarat untuk membuat tuntutan hutang perkahwinan?

Selain keperluan kepada dokumen yang berkaitan dan saksi, pihak-pihak perlu membuktikan bahawa hutang tersebut benar-benar berlaku disebabkan oleh perkahwinan tersebut.

5. Bilakah hutang perkahwinan itu boleh dituntut?

Tiada peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia menyebut secara spesifik bila hutang perkahwinan ini boleh dituntut sama ada sebelum atau selepas perceraian.

6. Bagaimanakah mahkamah mentaksirkan tuntutan hutang perkahwinan?

Mahkamah akan mentaksir hutang mengikut takat mana yang boleh dibuktikan oleh pihak-pihak bagi jumlah hutang yang ditanggung oleh masing-masing pihak.

7. Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan kepada pihak-pihak dalam kes tuntutan hutang perkahwinan?

Boleh. Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir yang berikut:

- (a) butir-butir Pemohon/pihak menuntut
 - Kad pengenalan, alamat dan maklumat pekerjaan
 - Sijil nikah/surat cerai
- (b) butir-butir pihak yang kena tuntutan
 - Nama/alamat dan pekerjaan yang kena tuntutan
 - Nama dan alamat majikan yang kena tuntutan (jika ada)
- (c) laporan-laporan yang berkaitan (jika ada).

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana Cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut :

IBU PEJABAT
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA
NO. TELEFON: 03-88851000
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831

PORTAL: www.jbg.gov.my
SMS: Taip JBG MENU dan hantar ke 15886

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.



JABATAN BANTUAN GUAMAN
JABATAN PERDANA MENTERI

GANTI RUGI & PERTUNANGAN & HUTANG PERKAHWINAN



GANTI RUGI PERTUNANGAN



1. Apakah itu pertunangan?

Pertunangan ialah suatu perjanjian untuk mengadakan perkahwinan dan tidak mewujudkan perkahwinan itu dengan sendirinya.

2. Apakah syarat pertunangan dalam Islam?

Pertunangan dengan seorang perempuan boleh diadakan dengan dua syarat:

- bahawa pada masa pertunangan itu tidak ada halangan kepada perkahwinan antara pihak-pihak itu;
- bahawa perempuan itu belum ditunangkan kepada seorang lain.

3. Bagaimanakah pandangan Islam berkenaan dengan barang pemberian dalam majlis pertunangan?

Barang pemberian dalam majlis pertunangan adalah merupakan adat atau kelaziman yang dilakukan di Malaysia. Adat ini boleh diikuti selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Walau bagaimanapun, jika adat itu bertentangan dengan prinsip Islam seperti jika pihak perempuan mungkir janji akan pertunangan itu, dia hendaklah membayar dua kali ganda harga duit atau barang-barang yang diberi oleh pihak lelaki, adat ini tidak boleh diikuti kerana ia menimbulkan penipuan atau *gharar*.

4. Bolehkah pihak-pihak menuntut balik barang-barang pemberian sekiranya pertunangan itu diputuskan?

“ Jika seseorang telah mengikat suatu pertunangan mengikut Hukum Syarak, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dan sama ada secara bersendirian atau melalui seorang perantara, dan kemudiannya enggan berkahwin dengan pihak yang satu lagi itu tanpa apa-apa sebab yang sah manakala pihak yang satu lagi bersetuju berkahwin dengannya, maka pihak yang mungkir adalah bertanggungjawab memulangkan pemberian-pemberian pertunangan, jika ada, atau nilainya dan membayar apa-apa wang yang telah dibelanjakan dengan suci hati oleh atau untuk pihak yang satu lagi untuk membuat persediaan bagi perkahwinan itu, dan yang demikian boleh dituntut melalui tindakan dalam Mahkamah ”.

5. Mahkamah manakah yang berbidang kuasa mendengar kes tuntutan ganti rugi pertunangan bagi orang Islam?

Tuntutan ganti rugi pertunangan orang Islam boleh dibuat di mana-mana Mahkamah Rendah Syariah mengikut tempat pemastautinan pemohon atau di mana-mana Mahkamah Tinggi Syariah mengikut tempat pemastautinan pemohon sekiranya jumlah tuntutan adalah melebihi lima puluh ribu ringgit.

6. Apakah bentuk ganti rugi yang boleh dituntut akibat daripada kemungkiran pertunangan tersebut?

Pihak yang dimungkirkan boleh menuntut kembali barang-barang pemberiannya (jika ada) atau nilainya atau apa-apa perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihaknya bagi majlis tersebut bagi maksud mengadakan suatu majlis perkahwinan selepas pertunangan itu.

7. Siapakah yang boleh membuat tuntutan ganti rugi pertunangan?

Mana-mana pihak yang mengalami kerugian secara langsung akibat daripada kemungkiran pertunangan atau mana-mana orang yang berkepentingan secara langsung.

8. Apakah syarat untuk membuat tuntutan ganti rugi pertunangan?

Perlu buktikan wujudnya kontrak/akad pertunangan yang sah di sisi undang-undang dan hukum Syarak.

9. Bilakah ganti rugi pertunangan boleh dituntut?

10. Bagaimanakah mahkamah mentaksirkan jumlah ganti rugi pertunangan?

Mahkamah akan mentaksir kerugian mengikut takat yang boleh dibuktikan oleh pihak-pihak mengenai jumlah kerugian yang ditanggung oleh pihak masing-masing.

11. Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman memberi bantuan kepada pihak-pihak dalam kes tuntutan ganti rugi pertunangan?

Boleh. Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir-butir berikut:

- butir-butir Pemohon/pihak menuntut
 - Kad pengenalan, alamat dan maklumat pekerjaan
- butir-butir pihak yang kena tuntutan
 - Nama/alamat dan pekerjaan yang kena tuntutan
 - Nama dan alamat majikan yang kena tuntutan (jika ada)
- laporan-laporan yang berkaitan (jika ada).

HUTANG PERKAHWINAN



1. Apakah perkara yang dimaksudkan sebagai hutang dalam perkahwinan?

Hutang perkahwinan merujuk kepada apa-apa hutang yang timbul selepas pasangan menjadi suami isteri.

2. Mahkamah manakah yang berbidang kuasa mendengar kes tuntutan hutang perkahwinan bagi orang Islam?

Tuntutan hutang perkahwinan boleh dibuat di mana-mana Mahkamah Rendah Syariah mengikut tempat pemastautinan pemohon ataupun di mana-mana Mahkamah Tinggi Syariah